

# KUTKM mampu capai taraf antarabangsa

Archival News | Berita Harian | 07/03/2005

MELAKA: Kolej Universiti Teknologi Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yakin mampu merealisasikan visi menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia terutama selepas mendapat persijilan MS ISO 9001:2000, kelmarin.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Tan Sri Mohd Saleh Sulong (gambar), berkata usaha melaksanakan langkah itu mencerminkan azam warga KUTKM untuk mencapai standard tertinggi bagi menarik minat ramai calon menyambung pengajian mereka di KUTKM.

Malah, katanya, ia secara tidak langsung memberi keyakinan kepada industri mengenai kualiti pengajaran dan pembelajaran di KUTKM yang sentiasa diurus mengikut piawaian antarabangsa.

Beliau berkata, ini sistem kualiti ISO 9000 adalah satu langkah yang diambil untuk mencapai tahap universiti berkualiti.

"Usaha yang dimulakan sejak Jun 2003 ternyata membuahkan hasil.

Bermula

dengan penubuhan Majlis Kualiti Universiti yang bertujuan khusus bagi memandu usaha ke arah mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000, pihak universiti berjaya mendapat persijilan ISO seperti yang diharapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani dokumen perjanjian kontrak antara KUTKM dan Konsortium Kumpulan Melaka Berhad (KMB)-Putra Perdana-Cobrain (KKPC) serta majlis penyerahan sijil ISO 9001:2000, di sini.

Mohd Saleh berkata, pada era dunia tanpa sempadan, persaingan menjadi semakin sengit dan terbuka, malah pesaing KUTKM bukan sahaja membabitkan universiti tempatan.

Berikutan itu, katanya, kualiti atau mutu perkhidmatan pendudukan yang ditawarkan memainkan peranan penting dalam memastikan KUTKM menjadi pilihan pelajar tempatan atau luar negara.

Beliau berkata, selain cabaran dalam negara, usaha untuk mengantarabangsakan universiti juga giat dijalankan. Oleh itu, kerjasama dalam pelbagai bentuk perlu dijalin baik dengan universiti atau industri di luar negara.

(END) Source : Berita Harian